

# AS mahu tutup kelemahan diri

B.H 12 OCT 1993

KUALA LUMPUR, Isnin — Ahli akademik dan pemimpin pertubuhan berpendapat kuasa besar Barat terutama Amerika Syarikat mengkritik Malaysia kerana bimbang dengan kelantangan pemimpin negara dan cuba menutup kelemahan pentadbiran sendiri.

Sehubungan dengan itu, mereka menganggap kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa kuasa besar tidak lagi berhak mengkritik Malaysia kerana kegagalan mereka bertindak atas dasar hak asasi manusia di Bosnia-Herzegovina, sebagai tepat dan wajar.

Naib Presiden (Antarabangsa) Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Mohd Anuar Tahir, ber-

kata kuasa besar Barat hanya menjadi 'tukang jerrit' yang bising memperjuangkan hak asasi manusia tanpa berbuat sesuatu.

"Saya bersetuju pandangan Perdana Menteri. Mereka memang tidak layak memperkatakan soal hak asasi manusia. Mereka bersikap 'double standard'. Dalam negara sendiri, mereka tidak memberi peluang kepada umat Islam membina pusat dan menjalankan kegiatan Islam secara aktif," katanya.

Dekan Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dr Syed Ahmad Syed Hussein, berkata kuasa Barat tidak mempunyai kewibawaan mengkritik dasar hak asasi manusia negara ini kerana rakyat Malay-

sia sudah mencapai tahap kepuasan yang tinggi.

Beliau mengulas kenyataan Dr Mahathir semalam, menegaskan tidak ada guna Amerika menuduh Malaysia tidak menghormati hak kemanusiaan sedangkan mereka tidak menghormati hak itu.

Timbalan Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Abdul Rahman Palil, berkata kritikan kuasa Barat terhadap hak asasi manusia Malaysia bertujuan mengabui pandangan dunia terhadap kelemahan mereka.

"Kita berharap kuasa besar barat sedar dengan ketidakupayaan mereka dan menilai semula dasar hak asasi mereka terutama ketika berhubungan dengan negara membangun.